

Khor meninggal di Pusat Gleneagles

UM 2 1 DEC 2001

KANGAR 20 Dis. — Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, Datuk Khor Liang Tee meninggal dunia di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Kuala Lumpur, pukul 11.47 malam tadi.

Beliau berumur 59 tahun.

Mayat mendiang Khor tiba di rumahnya di Taman Muhibbah, Jejawi, Arau dekat sini pada pukul 7.30 pagi ini.

Mendiang yang juga bekas Exco kerajaan negeri menjalani rawatan penyakit barah usus di pusat perubatan itu sejak Ogos lalu dan menjalani pembedahan pada September lalu.

Mendiang yang juga Pengerusi MCA Negeri meninggalkan seorang balu, Datin Tan Chiew Liang, 55, serta empat orang anak, Khor Choo Hong, 33, Khor Choo Kwang, 30, Khor Choo Pang, 24, dan Khor Han Chien, 17.

Upacara pembakaran mayat dijangka diadakan di Watt Padang Sera, Jitra, Kedah pada Isnin ini.

Antara kenamaan yang menziarahi mendiang ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sira-

juddin Putra Jamalullail, Raja Permaisuri Agong, Pemangku Raja Perlis dan Raja Puan Muda.

Kenamaan lain ialah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri, Datin Seri Shamsiah Mohd. Yassin, Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohiyaddin Che Jan, anggota-anggota Exco kerajaan negeri, wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kerajaan.

Mendiang Khor yang mempunyai kelulusan ijazah dari Universiti Nasional Indonesia merupakan seorang guru sebelum menceburi bidang politik.

Pada pilihan raya umum tahun 1999, mendiang Khor memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan setelah menewaskan calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Ko Chu Liang dengan majoriti 1,974 undi.

Balu mendiang, Tan, ketika ditemui di rumahnya berkata, keadaan kesihatan suaminya tenat sejak beberapa hari lalu sehingga ke akhir hayatnya malam tadi.

Jelasnya, semua ahli keluarga mendiang berada di sisinya sebelum suami-

nya menghembuskan nafas terakhir.

Sementara itu, Shahidan memberitahu, beliau telah memaklumkan mengenai kematian mendiang Khor kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Menurutnya, beliau juga telah mengarahkan Speaker Dewan Undangan Negeri, Abdul Aziz Saad menghantar surat rasmi memaklumkan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Menteri Besar itu menganggap kematian mendiang Khor sebagai satu kehilangan seorang pemimpin MCA yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang perkhidmatannya.

"Mendiang Khor merupakan seorang yang cekap dan bersemangat tinggi menjalankan tugasnya selaku wakil rakyat dan Exco kerajaan negeri," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan pula, Shahidan berkata, beliau menyerahkan urusan berkenaan kepada SPR.

Bagaimanapun katanya, Barisan Nasional (BN) telah membuat persiapan awal untuk menghadapi pilihan raya kecil itu nanti.

Menurutnya, beliau percaya pengundi-pengundi di kawasan terbabit sudah matang berpolitik dan menilai parti yang dapat membela nasib mereka pada masa hadapan.

"BN akan memastikan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan dipertahankan dengan majoriti yang lebih tinggi pada pilihan raya kecil itu kelak," ujanya.

Dalam pada itu, Shahidan yang juga Pengerusi BN Negeri berkata, UMNO akan menyokong sesiapa sahaja calon MCA yang akan dicadangkan oleh pucuk pimpinan parti itu.

Katanya, beliau percaya calon MCA yang bakal bertanding nanti mampu melaksanakan tugas sebanding dengan mendiang Khor.